



Unduk Ngadau: Sejarah, Falsafah dan Tradisi

Florina Jumil

Pengenalan

Unduk Ngadau merupakan antara simbol keramat dalam lagenda budaya dan adat resam masyarakat Kadazandusun. Pengiktirafan suci ini diamanahkan kepada wanita yang dipilih dalam kalangan masyarakat Kadazandusun sewaktu pertandingan Unduk Ngadau yang diadakan setiap tahun pada bulan Mei seketika berlangsungnya Pesta Kaamatan (Pesta Menuai). Gelaran Unduk Ngadau merupakan gelaran warisan yang menjunjung kesucian pengorbanan Huminodun sebagai lagenda etnik ini suatu ketika dahulu. Justeru, wacana ini merupakan pencerakinan awal terhadap pentafsiran mitos dan nilai watak Huminodun yang menjadi sumber suci kepada gelaran *Unduk Ngadau*. Dalam konteks ini, teori semiotik Ferdinand De Saussure dijadikan sebagai landasan utama, manakala teori pendekatan moral M. Atar Semi disisipkan sebagai teori sokongan. Terdapat pelbagai nilai luhur dalam watak Huminodun yang seharusnya diselami oleh para peserta Unduk Ngadau dan sewajarnya dipertahankan oleh masyarakat Kadazandusun sebagai legasi kebudayaan unik yang sentiasa dan terus hidup sepanjang zaman. Implikasinya, peninjauan awal ini akan menjadi katalis semangat dan kesedaran dalam kalangan wanita Kadazandusun untuk memahami dan mengarifi keunggulan mahkota Unduk Ngadau sekali gus menyemarakkan korpus kajian sosiobudaya Kadazandusun yang belum terungkai keunikannya.

Narasi Huminodun dan Temasya Kaamatan

Masyarakat Kadazandusun merupakan suku peribumi asli terbesar di Sabah. Mereka juga dikenali sebagai *momogun* yang bermakna orang asal dan *mamasok* yang membawa pengertian orang asli. Etnik Kadazandusun merupakan etnik peribumi yang menetap di pantai barat Sabah dan kawasan pedalaman (Wikipedia, Mac 2024). Sungguhpun demikian, kepercayaan terhadap lagenda Huminodun ini turut dikongsi oleh beberapa etnik lain, termasuklah Murut dan Rungus. Lantaran itulah, masyarakat Murut dan Rungus turut terlibat bersama untuk meraikan acara tersohor tersebut setiap tahun, bermula 30 sehingga 31 Mei, (BH Online, 2015). Naratif lagenda tersebut terus dilestarikan bagi mengenang semula dan mengangkat kembali nilai pengorbanan Huminodun menerusi pengajuran temasya Unduk Ngadau lantas menjadi budaya tersohor dalam kalender kebudayaan seluruh rakyat di Sabah. Sehingga kini, naratif lagenda Huminodun terus bersemadi dalam jiwa masyarakat bumiputera Sabah yang menjulang semangat pengorbanan murni Huminodun sebagai satu acara budaya yang gilang-gemilang untuk diraikan. Pertandingan dawama ini bukan hanya bertujuan untuk memperagakan kejelitaan dan keayuan, malah para peserta turut diberikan pelbagai cabaran definitif untuk memastikan mereka benar-benar layak dinobatkan dengan takhta Unduk Ngadau

Mahkota Unduk Ngadau mempunyai mata rantai yang sangat senada dengan lagenda Huminodun dan umbi budaya masyarakat Kadazandusun. Memandangkan cerita rakyat disampaikan secara lisan dan diwarisi turun temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya, maka amalan tokoh tambah lazimnya berlaku dan tersebar pelbagai versi naratif yang mempunyai jalan cerita yang hampir sama, namun watak yang berbeza. Antara cerita lisan tersebut ialah lagenda Huminodun yang turut dikenali sebagai kisah Rumandawi. Walau bagaimanapun, lagenda Huminodun lebih masyhur dan merata diterima pada masa ini dan lebih dikenali ramai. Oleh yang demikian, penulis menggunakan lagenda Huminodun sebagai naratif akar yang mempertautkannya dengan Unduk Ngadau dalam kemuncak sambutan Pesta Kaamatan (Pesta Menuai).

Istilah Unduk Ngadau mula digunakan pada tahun 1991 (BH Online, September 2015). Sebelumnya, ia dikenali sebagai Ratu Kaamatan. Unduk Ngadau merujuk kepada semangat luhur Huminodun. Unduk Ngadau berasal daripada perkataan “runduk tadau” yang bermakna “gadis yang dimahkotakan sinaran cahaya matahari” (Wikipedia, Jun 2016). Mitos Unduk Ngadau

berkisarkan tuhan masyarakat Kadazandusun iaitu Kinorohingan dan isterinya, Suminundu yang terpaksa mengorbankan Huminodun, anak perempuan kesayangan mereka, atas dasar kepercayaan bahawa bencana alam yang melanda kampung mereka hanya dapat dihentikan selepas dipersembahkan pengorbanan gadis jelitawan (BH Online, September 2015). Dipercayai, Huminodun merupakan gadis paling jelita ketika itu. Setelah dikorbankan, tujuh hari kemudian, Unduk Ngadau muncul dari *kakanan* (pasu tajau) dan dipercayai sebagai manifestasi semangat Huminodun. Unduk Ngadau juga dikatakan sebagai orang pertama yang mengajar Bobohizan iaitu mantera yang diamalkan sehingga sekarang. Semenjak itu, perkataan Unduk Ngadau digunakan untuk melambangkan seri kerupawanan dan kesusilaan budi bahasa Huminodun (Wikipedia, Jun 2016). Mengikut legenda, segala bahan makanan yang muncul ketika itu berasal daripada tubuh gadis berkenaan. Beras datangnya daripada isi gadis yang putih melepak, darahnya pula bertukar menjadi lada dan kepalanya bertukar menjadi kelapa serta jari jemarinya berubah menjadi halia.

Kajian awal ini digarap dengan menerapkan teori semiotik dari gatra watak dan perwatakan Huminodun dalam lagenda Huminodun, sebagai legasi sastera rakyat yang terkenal perkaitannya dengan Unduk Ngadau, seperti disentuh tadi. Kajian semiotik dari aspek watak dan perwatakan merupakan satu kajian yang meneliti makna dan perlambangan yang terdapat dalam watak Huminodun untuk menyampaikan nilai tertentu. Menerusi *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga, 2002), watak adalah sifat batin seseorang yang mempengaruhi tingkah lakunya atau fikirannya. Watak juga merupakan tokoh dalam sesebuah cerita atau novel. Maksudnya di sini, watak merupakan orang yang akan direka dalam sesebuah cerita dan menjadi penggerak plotnya. Perwatakan pula merupakan perihal watak seseorang atau watak dalam sesebuah cerita yang menunjukkan tatalaku psikologikal (mental dan pemikiran). Sementara itu, semiotik pula merupakan satu kajian tentang tanda dan lambang, dalam pertautannya antara tanda dan lambang dengan benda atau idea yang dimaksudkan. Oleh itu, tanda dan lambang boleh diterjemahkan kepada objek atau idea (*Kamus Dewan*, 2002).

Menurut bukunya (1997), *Theory/Theatre: An Introduction*, Fortier memerihalkan teori semiotik dengan menujahkan perhatian terhadap dua perkara. Pertama, ia merupakan pemahaman mengenai tanda dan makna. Dalam pemahaman mengenai tanda dan makna, penekanan terhadap linguistik

dan bahasa harus diutamakan. Kedua, penekanan terhadap bahasa dan perlambangan ke atas aktiviti yang lebih menonjol. Perwatakan merupakan satu contoh (sebagai tanda) yang membawa makna melalui bahasa dan aktiviti. Kebanyakan kajian semiotik kontemporari berpegang kepada prinsip Ferdinand de Saussure iaitu berkait dengan definisi sistem tanda. Beliau mengklasifikasikan tanda kepada dua dimensi: (i)pertama, perlambangan (*signifier*) sebagai fenomena yang membolehkan kita melihat materi tersebut dan (ii)kedua, yang diperlambangi (*signified*) sebagai konsep yang digunakan oleh penanda (perlambangan) tadi. Jelas, kedua-dua elemen ini bersifat komplementari.


Simbol = Benda

Tanda = Perlambangan (*signifier*)
Yang Diperlambangi (*signified*)

Sumber: Dipetik daripada Raman Selden (1989).

Melalui rajah tersebut, dapat dilihat dengan mudah gambaran yang dimaksudkan oleh Saussure iaitu simbol adalah sama dengan benda. Maka, simbol atau benda itu yang akan ditandai menjadi perlambangan dan yang diperlambangi. Tanda dan simbol yang dilihat merupakan manifestasi tatalaku yang ditunjukkan oleh watak Huminodun. Pertama, bagaimana tanda yang terdapat dalam watak tersebut memanifestasikan perlambangan yang diinginkan, seperti nilai kebaikan. Kedua, bagaimana nilai kebaikan tersebut menjadi suatu perlambangan bagi watak Huminodun

Dalam kerangka pendekatan moral, Semi (1993) menyatakan karya sastera haruslah mengandungi nilai moral yang tinggi dan mampu memberikan motivasi inspiratif kepada masyarakat melalui tema, pemikiran dan falsafah. Kita dapat melihat peranan dan kepentingan teori tersebut melalui hasil kajian penulis.



Rajah 1: Pendekatan Moral Semi (1993)

Sehubungan itu, sastra seharusnya mampu menjadi wadah untuk menyampaikan idea-dea sasterawan tentang rempah ratus kehidupan manusia. Dalam masyarakat Kadazandusun klasik, sastra lisan bersifat universal, menyajikan hiburan aromatik dan mampu menjadi wasilah murni untuk menyampaikan nasihat sama ada secara tersurat mahupun tersirat (Minah Sintian, 2015). Melalui rajah di atas, penulis menggunakan pendekatan moral yang dipelopori oleh M. Atar Semi (1993) sebagai teori sokongan dalam peninjauan awal ini. M. Atar Semi merupakan pengkaji

prolifik dalam bidang kesusasteraan. Antara kajiannya, *Metodologi Penelitian Sastera* (1993), *Anatomi Sastera* (1998), *Dasar-dasar Keterampilan Menulis* (2007) dan banyak lagi.

Dalam pendekatan moral, terdapat beberapa konsep yang terlibat semasa meneliti sesebuah karya. Semi (1993) menegaskan signifikasi sastera merupakan medium vitalistik untuk menggerakkan masyarakat agar menghayati akal budi dan budi pekerti terpuji serta menjadikan guru sebagai panutan kehidupan. Karya sastera juga perlu ditempatkan lebih holistik daripada seni, bahkan menerusi karya sastera berlakunya suatu proses menganalisis perjuangan umat manusia untuk melepaskan diri daripada kemiskinan dan kebodohan. Justeru, dari segi metode (langkah kerja), para ilmuwan sewajarnya memperhalusi matan dan muatan sastera melalui pemikiran, falsafah dan nilai, tujuan dan pesan sasterawan, di samping menggarap kajian kritis terhadap aspek didaktik iaitu kritisisme watak dan perwatakan, melihat segi putih dan hitamnya dalam karya sastera secara serentak (sebagai suatu perbandingan) serta memprihatini kesan dan resepsi pembaca terhadapnya.

Watak, Perwatakan dan Nilai Kemanusiaan

Nilai watak Huminodun dalam naratif legenda Huminodun sering dikaitkan dengan nilai murni yang terpancar menerusi watak tersebut. Suatu ketika dahulu, masyarakat Kadazandusun pernah mengalami bencana kebuluran akibat kemusnahan sumber makanan. Kinoingan berasa amat belas kasihan terhadap kesengsaraan yang dideritai masyarakat Kadazandusun dan dia sanggup mengorbankan Huminodun. Jasad anaknya disemadikan di bumi lalu penuhlah bumi dengan pelbagai jenis tumbuhan. Inilah idea genius yang terselip di sebalik legenda Huminodun. Anggota tubuh badannya telah bertukar menjadi tumbuhan lantas menjadi sumber rezeki serta makanan kepada masyarakat Kadazandusun ketika itu. Daripada jasad Huminodun, bertunaslah benih padi. Dengan ini, muncullah kepercayaan bahawa padi mempunyai semangat yang dinamakan “Bambarayon”. Isinya yang putih melekak bertukar menjadi beras, darahnya yang merah berubah menjadi lada dan halia berasal daripada jari-jemari Huminodun, manakala bawang “tagaas” berasal daripada rambutnya, giginya bertukar menjadi jagung, kepalanya menjadi kelapa dan lututnya menjadi ubi dan sebagainya.

Melalui lagenda tersebut, kita dapat mencungkil nilai murni pengorbanan apabila Huminodun sanggup mengorbankan dirinya demi menyelamatkan penduduk kampungnya yang menderita kebuluran. Menerusi pengorbanan Huminodun, kita dapat menoreh nilai murni ihsan (berbelas kasihan) kerana Huminodun sangat mengasihani penduduk kampungnya yang mengalami kesengsaraan. Dengan ini, Huminodun sangat layak diangkat sebagai anak teladan yang sangat mentaati ibu bapanya lantaran keikhlasannya untuk mengorbankan dirinya demi menyelamatkan seluruh keluarga dan penduduk kampungnya sendiri. Ini merupakan pengorbanan muliawan, bukannya pengorbanan rencehan.

Keluhuran nilai mulia inilah yang seharusnya diterapkan dalam diri setiap peserta Unduk Ngadau. Gelaran ini bukan sahaja merupakan suatu pemahkotaan kepada pemenang, namun ia merupakan suatu gelaran yang sangat suci dan menjadi sumber inspirasi dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun sehingga kini. Tanpa pengorbanan Huminodun, kelangsungan sejarah dan silsilah masyarakat Kadazandusun mungkin terputus akibat petaka kebuluran yang amat pedih lagi perit itu. Justeru, iktibar dan inspirasi yang terpancar di sebalik mahkota Unduk Ngadau, seharusnya dihayati dengan semurni-murninya sebagai menghargai dan meneladani pengorbanan Huminodun – patah tumbuh hilang berganti.

Kesimpulan

Legenda ini masih terus dilestarikan demi mengenang kembali pengorbanan Huminodun, menerusi penganjuran pertandingan Unduk Ngadau yang diadakan di seluruh Sabah (kemuncaknya di Kota Kinabalu), setiap kali sambutan perayaan Tadau Kaamatan. Legenda Huminodun bukan sahaja mampu menyuntik semangat wanita bunga bangsa dalam diri para peserta Unduk Ngadau, bahkan nilai-nilai luhurnya mampu menghunjamkan umbi kesedaran sejati sembari menghidupkan semula keperibadian Huminodun dalam diri masing-masing. Maka, dengan adanya kesedaran kristalistik dan penerapan nilai manusiawi menerusi lagenda

Huminodun, kesucian gelaran ini akan lebih terpelihara dan dapat dimengerti dengan lebih mendalam lagi. Temasya Unduk Ngadau sebenarnya ibu segala temasya.

Rujukan

Anjar Muhammad Rahman. (2014). *Resume Susulan: Teori Sastera Masa Kini*. Bandung: Universiti Islam Negeri.

Anonymous. (2017). *Bahasa Kadazandusun*. Diperolehi pada 04 Ogos 2019 daripada <https://www.scribd.com/doc/26100502/BAHASA-KADAZANDUSUN>

Athur Asa Berger. (2010). *Pengantar Semiotika: Tanda-tanda dalam Kebudayaan Kontemporer*. Yogyakarta: Tiara Wacana.

Awang, Hashim. (1986). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Benedict Topin. (n.d.) “*The Origin of the Kadazan/Dusun: Popular Theories and Legendary Tales*” in *Our Cultural Heritage*, Kadazan Cultural Association, pp. 73-77.

Cholid Narbuko dan Abu Achmadi. (2001). *Metodologi Penelitian*. Jakarta: Bumi Aksara

Dewi Rukmini. (2009). *Cerita Rakyat Kabupaten Sragen : Suatu Kajian Struktural dan Nilai Edukatif*. Surakarta: Universiti Sebelas Maret

Esti Esmawati, M.Pd. (2013). *Pengajaran Sastra*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

Henry Bating. (2014). Karya Cerpen Kadazandusun Dalam Konteks Kokurikulum. *Research in Social and Behavioral Sciences*, 134 (2014), 350-363.

Ismail Ahmad. (1984). *Memahami Novel dan Cerpen*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications

Kamal Abd. Manaf. (1996). *Manusia dan Personaliti: Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.

Laksono. (1999). *Teori Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

M. Furqon Hidayatullah. (2009) *Guru Sejati: Membangun Insan Berkarakter Kuat dan Cerdas*. Surakarta: Yuma Pustaka.